

Sindiket Ah Soon lumpuh, pelbagai dadah dirampas bernilai RM737,000

Runner dadah masuk jerat

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Kegiatan seorang lelaki yang bekerja sebagai penghantar barang (*runner*) kepada sindiket dadah Ah Soon sejak enam bulan lalu terbongkar selepas diberkas di sekitar Seri Alam di sini pada Khamis lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, lelaki tempatan berusia 39 tahun itu ditangkap dalam operasi khas kira-kira pukul 6.30 petang.

Menurutnya, hasil soal siasat ke atas suspek membawa kepada dua siri serbuan pada Khamis dan Jumaat lalu di sebuah rumah di lokasi yang sama.

“Dalam operasi itu, polis menemui pelbagai jenis dadah antaranya 2.7 kilogram (kg) syabu, ekstasi (12,000 biji), eramin 5 (23,000 biji) dan ketamin (530 gram) bernilai RM737,000.

“Dadah ini ditemui di rumah terbabit dan polis tidak menolak kemungkinan suspek adalah *runner*



AYOB KHAN (dua dari kanan) menunjukkan dadah selepas sidang akhbar di IPK Johor di Johor Bahru semalam.

ner kepada sindiket Ah Soon,” katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini semalam.

Ayob Khan berkata, dalam serbuan itu, polis turut merampas sebuah kereta Toyota Camry

dan sebuah kenderaan pelbagai guna Nissan Grand Livina, seutas gelang emas serta wang RM1,700.

Ujarnya, siasatan lanjut mendapati, suspek memiliki rekod jenayah di bawah Seksyen 373 Kanun Keseksan kerana membantu operasi rumah pelacuran.

“Sindiket Ah Soon bergiat aktif sejak enam bulan lalu dan kemungkinan menggunakan *runner* untuk menghantar dadah kepada pelanggan.

“Bekalan dadah disyaki dari utara tanah air untuk diedarkan di sekitar bandar raya ini. Polis akan memburu saki-baki sindiket itu,” katanya.

Lelaki itu direman selama tujuh hari sehingga 4 Disember ini untuk disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dalam pada itu, Ayob Khan berkata, pihaknya telah menangkap 17,603 individu atas pelbagai kesalahan jenayah di antara Januari hingga 28 November.

Sepanjang tempoh itu, sebanyak 2.66 tan dadah dirampas bernilai RM29.49 juta dan RM13.56 juta harta disita.